

PPB GROUP BERHAD

POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI

1. PENGENALAN

- 1.1** Integriti adalah nilai teras kami dan menjadi prinsip panduan dalam keputusan dan tindakan kami di tempat kerja. PPB Group Berhad (“**PPB**”) dan subsidiarinya (“**Kumpulan PPB**”) komited untuk menjalankan perniagaan kami dengan adil, terbuka, jujur dan telus. Kumpulan PPB mengamalkan standard etika yang tinggi dalam semua urusan kami.
- 1.2** Rasuah dan korupsi menjelaskan etika perniagaan dan merosakkan reputasi organisasi. Oleh yang demikian, Kumpulan PPB menentang sama sekali apa-apa amalan yang secara tidak wajar atau salah di sisi undang-undang, mengganggu pengendalian perniagaan yang betul.
- 1.3** Polisi Antirasuah dan Korupsi ini (“**Polisi ABAC**”) memberikan pernyataan yang jelas tentang tingkah laku yang diharapkan daripada kakitangan Kumpulan PPB. Polisi ABAC ini juga terpakai untuk mana-mana pihak ketiga yang melakukan perkhidmatan untuk dan bagi pihak Kumpulan PPB.

2. OBJEKTIF

- 2.1** Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PPB komited untuk mematuhi undang-undang antirasuah di Malaysia, dan juga undang-undang antirasuah di semua negara di mana Kumpulan PPB beroperasi. Oleh itu, Polisi ABAC ini disediakan bagi tujuan memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan tersebut, seterusnya menetapkan kedudukan seluruh ahli Kumpulan PPB tentang rasuah dan korupsi dalam semua bentuk seperti berurusan dengan pihak ketiga, menguruskan konflik kepentingan, hadiah, layanan baik, dan pendedahan maklumat.
- 2.2** Pada asasnya, objektif Polisi ABAC ini adalah untuk memberikan panduan kepada kakitangan dan rakan perniagaan kami bagi membantu mereka mengenal pasti dan menangani masalah rasuah dan korupsi, serta memahami peranan dan tanggungjawab mereka.
- 2.3** Polisi ABAC ini juga harus dibaca bersama dengan polisi dan prosedur lain, seperti Rangka Kerja Antirasuah dan Korupsi (ABAC Framework), Buku Panduan Pekerja (Employee Handbook), Tatakelakuan dan Tataetika Pekerja (Employee Code of Conduct and Ethics), Polisi Pemberitahuan Maklumat (Whistleblowing Policy) dan Manual AntiRasuah dan Korupsi (“**Manual ABAC**”).

3. SKOP

Polisi ABAC ini terpakai kepada:

- (a) pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif), pegawai, pekerja Kumpulan PPB (termasuk pekerja tetap, sambilan dan kontrak (tempoh tetap)), serta sukarelawan (“**Kakitangan**”);
- (b) mana-mana pihak ketiga (orang atau entiti) yang ada atau akan ada hubungan perniagaan dengan Kumpulan PPB dan termasuk mereka yang menjalankan perkhidmatan untuk atau bagi pihak Kumpulan PPB. Pihak ketiga ini merangkumi klien sebenar dan klien yang berpotensi, pelanggan, usaha sama, rakan usaha sama, rakan konsortium, pembekal penyumberan luar, kontraktor, perunding, subkontraktor, pembekal, vendor, ejen, pengedar, wakil, pengantara dan pelabur (“**Rakan Perniagaan**”); dan
- (c) entiti usaha sama yang melaluinya PPB mempunyai kepentingan tanpa kuasa mengawal, usaha kerjasama dan syarikat bersekutu sangat digalakkan untuk menerima pakai prinsip ini atau yang serupa dengannya.

4. TAKRIF

Bagi maksud Polisi ABAC ini:

- (a) **Rasuah** bermaksud perbuatan memberi atau menerima ‘suapan’ sebagai balasan bagi pertukaran dengan pengaruh atau tindakan, yang sebaliknya tidak akan ditawarkan oleh penerima.
- (b) **Syarikat** bermaksud PPB Group Berhad (196801000571/ 8167-W).
- (c) **Korupsi** ialah penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi. Pada dasarnya, ia adalah tindakan memberi atau menerima apa-apa suapan atau ganjaran dalam bentuk wang tunai atau barang bernilai tinggi untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan huraian kerjanya.
- (d) **Bayaran Pemudahan** ialah bayaran atau peruntukan lain yang diberikan kepada atau diterima secara peribadi daripada pihak ketiga yang mengawal proses atau keputusan, dalam usaha untuk mendapatkan atau mempercepat tugas atau fungsi rutin atau pentadbiran.
- (e) **Suapan** merujuk kepada “sesuatu yang berharga” yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada wang, derma, hadiah, pinjaman, fi, ganjaran, cagaran berharga, maklumat, harta atau kepentingan mengenai harta, pekerjaan, pelantikan, pelepasan, toleransi, aku janji, janji, rebat, diskaun, pekerjaan perkhidmatan

atau kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau menyediakan perkhidmatan melalui apa-apa cara.

- (f) **Akta SPRM** bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk pindaannya).
- (g) **Jabatan RMI** merujuk Jabatan Pengurusan Risiko & Integriti PPB.
- (h) **Subsidiari** merujuk kepada syarikat yang dimiliki dan kepentingannya dikawal oleh PPB.

5. PERNYATAAN ANTIRASUAH DAN KORUPSI

- 5.1 Kumpulan PPB mengamalkan **pendekatan toleransi sifar** terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi dan akan terus menjalankan aktiviti perniagaannya secara beretika, jujur dan berintegriti dengan standard yang tinggi. Perkara ini juga terpakai untuk aktiviti perniagaan Kumpulan PPB di semua negara di seluruh dunia.
- 5.2 Oleh sebab peruntukan dalam Polisi ABAC ini disediakan berdasarkan keperluan undang-undang, pelanggaran Polisi ABAC ini boleh menyebabkan individu dan Kumpulan PPB dikenakan hukuman, termasuk denda dan dipenjarakan. Pelanggaran tersebut juga boleh menjelaskan reputasi Kumpulan PPB dan Kakitangannya. Oleh itu, Kakitangan dan Rakan Perniagaan tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menawar, memberi, menerima atau meminta apa-apa barang yang bernilai, dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi, sama ada untuk manfaat yang diingini oleh Kumpulan PPB atau orang yang terlibat dalam urus niaga tersebut.
- 5.3 Pernyataan antirasuah dan korupsi ini juga terpakai secara saksama untuk urusan perniagaan Kumpulan PPB dengan entiti Kerajaan (sektor awam) dan komersial (sektor swasta), dan termasuk pengarah, pekerja, ejen, perunding, wakil dan wakil lain yang dilantik seperti pegawai, ahli politik dan badan awam.
- 5.4 Kumpulan PPB juga akan menjalankan usaha wajar (due diligence) pada setiap Kakitangan (termasuk calon kakitangan), Rakan Perniagaan, projek dan aktiviti perniagaan utama termasuk derma dan tajaan, khususnya apabila terdapat pendedahan yang ketara terhadap risiko rasuah dan korupsi, selaras dengan Polisi ABAC ini.
- 5.5 Kumpulan PPB menggalakkan Kakitangan dan Rakan Perniagaan untuk melaporkan apa-apa kes rasuah dan korupsi yang disyaki, percubaan atau sebenar, dan menghalang tindakan balas terhadap mereka yang membuat laporan dengan niat baik. Kumpulan PPB juga memberikan jaminan bahawa Kakitangan tidak akan dikenakan hukuman atau mengalami akibat buruk sebagai tindakan balas kerana

enggan membayar atau menerima sogokan atau mengambil bahagian dalam tingkah laku yang menyalahi undang-undang yang lain.

6. PRINSIP ANTIRASUAH DAN KORUPSI

6.1 KONFLIK KEPENTINGAN

6.1.1 Konflik kepentingan mungkin timbul dalam situasi apabila Kakitangan terlibat dalam perniagaan atau aktiviti lain di luar Kumpulan PPB atau mempunyai kepentingan peribadi, sama ada ia memanfaatkan diri mereka sendiri atau orang yang berkait rapat dengan mereka, seperti saudara-mara atau kenalan rapat, yang bersaing atau mempunyai konflik dengan kepentingan Kumpulan PPB.

6.1.2 Pekerja mesti mendapatkan persetujuan bertulis daripada ketua syarikat masing-masing sebelum menjalankan aktiviti yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

6.1.3 Semua Kakitangan hendaklah mengisyiharkan konflik kepentingan mereka, sama ada secara berjadual, dan secara *ad hoc* sebaik sahaja konflik timbul.

6.2 HADIAH DAN LAYANAN BAIK (HOSPITALITY)

6.2.1 Secara umumnya, Kakitangan boleh menerima atau menawarkan hadiah dan layanan baik **HANYA** apabila ia:

- (i) sekali-sekala/tidak kerap;
- (ii) munasabah dan tidak berlebih-lebih; dan
- (iii) tiada risiko bahawa ia akan mempengaruhi atau dilihat mempengaruhi sesuatu keputusan dengan tidak sepatutnya.

6.2.2 Selain perkara di atas, apa-apa penerimaan atau penawaran hadiah dan layanan baik adalah tertakluk kepada had kebenaran seperti yang ditentukan dalam Manual ABAC.

6.2.3 HADIAH DAN LAYANAN BAIK YANG DITERIMA

- (a) Penerimaan hadiah dan layanan baik dibenarkan dengan syarat hadiah dan layanan baik yang diterima hendaklah **bernilai sederhana** dan setara dengan kedudukannya. Kakitangan tidak boleh menerima apa-apa hadiah atau layanan baik jika ia boleh disalahertikan sebagai ganjaran, dorongan atau tindakan rasuah lain.
- (b) Walau bagaimanapun, dalam apa jua keadaan, Kakitangan, orang yang rapat dengannya, iaitu pasangan, ahli keluarga, saudara-mara atau kenalan rapat

tidak boleh menerima hadiah dalam bentuk wang tunai atau yang setara dengan wang tunai. Wang tunai atau yang setara dengan wang tunai (termasuk sijil hadiah, pinjaman, komisen, kupon, diskaun atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan) adalah **DILARANG SAMA SEKALI** dan tidak boleh diterima, kecuali jika ia adalah sebahagian daripada amalan kebiasaan dan harus dihadkan pada nilai nominal dan dilaporkan kepada Jabatan RMI atau Ketua Pegawai Risiko Syarikat atau Subsidiari yang berkenaan.

- (c) Contoh hadiah dan layanan baik yang boleh diterima adalah seperti yang berikut:
- **Hadiyah:** hadiah/ cenderahati korporat untuk tujuan promosi, hadiah bermusim atau hadiah perayaan.
 - **Layanan baik:** Jamuan ringan (teh/ kopi) atau makan tengah hari sewaktu bekerja, yang tidak melebihi kekerapan yang ditetapkan dalam Manual ABAC.

6.2.4 PEMBERIAN HADIAH DAN LAYANAN BAIK

- (a) Kakitangan tidak boleh menawarkan atau memberikan hadiah atau layanan baik jika mereka mengetahui atau mengesyaki bahawa ia melanggar peraturan organisasi di tempat penerima bekerja atau jika ia bertentangan dengan undang-undang tempatan.
- (b) Kumpulan PPB boleh memberikan hadiah/ cenderahati korporat, iaitu yang memiliki logo / identiti Syarikat atau Subsidiari dan dengan nilai nominal bagi maksud promosi/ penjenamaan/ pemasaran. Apa-apa pemberian hadiah atau acara layanan baik tertakluk kepada kelulusan menurut had kebenaran yang ditentukan dalam Manual ABAC dan hendaklah memenuhi syarat yang berikut:
- Ia terhad, menjadi kelaziman dan sah di bawah keadaan itu;
 - Ia tidak mempunyai atau dianggap mempunyai (sama ada oleh pemberi atau penerima), apa-apa kesan ke atas tindakan atau keputusan;
 - Tidak mengharapkan apa-apa balasan tertentu atau manfaat tidak wajar daripada bakal penerima;
 - Pertimbangan perniagaan ke atas bakal penerima dilakukan secara telus dan bebas;
 - Tidak melibatkan apa-apa tujuan rasuah/jenayah; dan
 - Pemberian hadiah dan layanan baik hendaklah dibuat secara terbuka dan telus.
- (c) Kakitangan daripada Kumpulan PPB mesti hadir (sebagai tuan rumah) semasa pemberian layanan baik. Jika tidak, perbelanjaan itu dianggap sebagai hadiah.

6.2.5 Untuk maklumat lanjut tentang pengurusan hadiah dan layanan baik, sila rujuk kepada Manual ABAC.

6.3 KERAIAN (ENTERTAINMENT)

6.3.1 Keraian boleh dianggap sebagai rasuah dan sogokan jika ia diberikan atau diterima dengan niat untuk mempengaruhi seseorang supaya bertindak dengan tidak wajar, atau sebagai ganjaran kerana telah bertindak secara tidak wajar. Kakitangan dibenarkan untuk menawarkan atau menerima keraian dan rekreasi, dengan syarat terdapat justifikasi yang sesuai dan tertakluk kepada had kebenaran yang ditentukan dalam Manual ABAC.

6.3.2 Kakitangan **DILARANG SAMA SEKALI** membayar untuk atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang terlalu mewah, menyalahi undang-undang dan tidak bermoral seperti majlis sosial mewah/ keterlaluan yang tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan PPB atau keraian daripada Rakan Perniagaan (termasuk Rakan Perniagaan berpotensi) semasa proses perolehan yang boleh menyebabkan Kumpulan PPB diberi tanggapan yang tidak baik atau dipandang negatif.

6.3.3 Aktiviti keraian hendaklah dihadkan kepada individu yang mempunyai tujuan perniagaan yang sah. Kumpulan PPB tidak akan membayar untuk atau membayar balik perbelanjaan oleh orang yang berkait rapat dengan individu tersebut, iaitu pasangan, ahli keluarga, saudara-mara atau kenalan rapat yang tidak mempunyai tujuan perniagaan yang sah dengan Kumpulan PPB.

6.4 DERMA DAN TAJAAN

6.4.1 Kumpulan PPB membenarkan derma amal dan tajaan untuk tujuan yang sah dan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kumpulan PPB **MELARANG SAMA SEKALI** pemberian dan penerimaan derma dan tajaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

6.4.2 Semua permintaan untuk derma amal dan tajaan adalah tertakluk kepada semakan melalui usaha wajar dan had kebenaran yang ditentukan dalam Manual ABAC.

6.5 DERMA UNTUK POLITIK

6.5.1 Secara amnya, Kumpulan PPB **TIDAK** membuat atau menawarkan sumbangan politik dalam bentuk wang atau barang kepada mana-mana parti politik, pegawai parti politik atau calon yang bertanding untuk jawatan politik.

6.5.2 Kumpulan PPB **HANYA** boleh membuat sumbangan politik apabila sumbangan tersebut dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai. Kuasa untuk meluluskan sumbangan politik tersebut terletak pada lembaga pengarah Syarikat; atau lembaga pengarah Subsidiari yang berkaitan melalui rundingan dengan Pengarah Urusan PPB.

6.5.3 Apa-apa sumbangan politik oleh Syarikat atau Subsidiari **TIDAK BOLEH** dibuat dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan manfaat untuk kepentingan Kumpulan PPB atau Subsidiari.

6.6 BAYARAN PEMUDAHAN

6.6.1 Bayaran pemudahan dikelaskan sebagai tindakan memberikan rasuah dan sogokan di bawah Akta SPRM dan ia menyalahi undang-undang. Oleh itu, Kumpulan PPB melarang semua jenis pemberian, penawaran, atau janji Pembayaran Pemudahan oleh Kakitangan atau Rakan Perniagaan yang bertindak bagi pihak Kumpulan PPB. Kakitangan juga dilarang menerima atau meminta pembayaran tersebut sama ada secara tunai atau dalam bentuk barang.

6.7 PENGAMBILAN KERJA, KENAIKAN PANGKAT DAN SOKONGAN KAKITANGAN

6.7.1 Pengambilan kerja, latihan, penilaian prestasi, saraan, pengiktirafan dan kenaikan pangkat bagi kakitangan oleh Kumpulan PPB hendaklah dirangka dan dikemas kini secara berkala untuk mengiktiraf integriti. Kumpulan PPB tidak akan menawarkan pekerjaan kepada calon kakitangan sebagai balasan kepada sokongan yang tidak wajar yang telah diberikan kepada Kumpulan PPB dalam peranan sebelumnya.

6.8 RAKAN PERNIAGAAN

6.8.1 Kumpulan PPB komited untuk menjalankan perniagaan kami dengan adil, telus dan beretika. Kumpulan PPB hanya akan menjalankan perniagaan dengan entiti atau individu yang mempunyai nilai yang sama dengan Kumpulan PPB dan akan menegakkan prinsip Kumpulan PPB untuk menerapkan standard etika yang tinggi dalam urusan perniagaan kami.

7. FUNGSI PEMATUHAN ANTIRASUAH DAN KORUPSI

7.1 Kumpulan PPB akan mengekalkan fungsi pematuhan antirasuah dan korupsi secara bebas melalui unit Integriti di Jabatan RMI untuk mengawasi perangkaan, pelaksanaan, pengurusan, dan penambahaikan polisi dan prosedur antirasuah dan korupsi (program integriti).

8. LATIHAN DAN KESEDARAN

- 8.1** Kumpulan PPB akan menjalankan program kesedaran untuk semua Kakitangan tentang kedudukan dan amalan Kumpulan PPB berhubung dengan antirasuah dan korupsi, integriti dan etika.
- 8.2** Latihan akan disediakan secara berkala menurut tahap risiko rasuah dan korupsi yang berkaitan dengan kedudukan dan fungsi di dalam syarikat.

9. MEYUARAKAN KEBIMBANGAN (PEMBERITAHUAN MAKLUMAT)

- 9.1** Kumpulan PPB sangat menggalakkan pelaporan (pemberitahuan maklumat) tentang kes rasuah dan korupsi yang sebenar atau disyaki tanpa rasa takut akan dikenakan sebarang tindakan balas.
- 9.2** Kumpulan PPB telah menyediakan cara untuk pelaporan rasuah, korupsi dan bentuk salah laku yang lain, termasuk pelanggaran Polisi ABAC ini melalui saluran selamat yang ditetapkan, dan disediakan untuk semua Kakitangan dan pihak luar termasuk Rakan Perniagaan. Perincian prosedur pemberitahuan maklumat boleh didapati dalam Polisi Pemberitahuan Maklumat Kumpulan PPB.
- 9.3** Kumpulan PPB komited untuk menguatkuasakan polisi ini dan memberikan jaminan bahawa pemberi maklumat tidak akan berhadapan dengan apa-apa bentuk hukuman, penganiayaan atau kemudaratatan, selagi laporan dilakukan dengan niat baik (iaitu tidak dilakukan dengan niat jahat dan tanpa bukti kukuh bertujuan untuk menjelaskan orang lain atau organisasi). Perlindungan tersebut akan diberikan walaupun jika siasatan kemudiannya menunjukkan bahawa pemberi maklumat itu telah melakukan kesilapan berhubung dengan fakta, peraturan dan prosedur yang terlibat.

10. PENYIMPANAN REKOD

- 10.1** Kumpulan PPB hendaklah menyimpan rekod kewangan dan rekod lain yang terperinci dan tepat, dan hendaklah mempunyai kawalan dalaman yang sesuai sebagai bukti untuk semua pembayaran yang dibuat. Kumpulan PPB hendaklah melaporkan dan menyimpan rekod bertulis tentang jumlah dan alasan bagi hadiah, layanan baik dan keraian yang diterima dan diberikan, termasuk derma, tajaan dan perbelanjaan yang serupa, dan tahu bahawa perbelanjaan tersebut tertakluk kepada semakan pihak pengurusan.

11. KAJIAN SEMULA DAN PEMANTAUAN AUDIT

- 11.1** Jabatan RMI bertanggungjawab untuk memantau kecukupan dan keberkesanan operasi Polisi ABAC ini dan akan mengkaji semula pelaksanaannya secara berkala, termasuk menilai kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya.
- 11.2** Sistem dan prosedur kawalan dalaman yang dirangka untuk mencegah rasuah dan korupsi akan diaudit secara berkala untuk memastikan ia berkesan semasa dilaksanakan.
- 11.3** Kumpulan PPB boleh meminda Polisi ABAC ini pada bila-bila masa untuk meningkatkan keberkesanannya dalam memerangi rasuah dan sogokan.

12. KEGAGALAN PEMATUHAN

- 12.1** Kumpulan PPB menganggap rasuah dan sogokan sebagai perkara yang serius dan akan mengambil tindakan tatatertib jika terdapat ketidakpatuhan terhadap Polisi ABAC ini. Bagi Kakitangan, tindakan tatatertib yang akan diambil, termasuk penamatan perkhidmatan.
- 12.2** Bagi Rakan Perniagaan dan pihak luar yang lain, ketidakpatuhan boleh menyebabkan tindakan dikenakan termasuk penamatan kontrak. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil jika kepentingan Kumpulan PPB terjejas dengan ketidakpatuhan oleh individu dan organisasi.

13. PEMILIK POLISI

- 13.1** Polisi ABAC ini dimiliki oleh Jabatan RMI. Sebarang maklum balas atau pertanyaan berhubung dengan peruntukan Polisi ABAC ini perlu disalurkan kepada Jabatan RMI.

Polisi ABAC ini (Versi 1.1) diluluskan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PPB Group Berhad pada 27 Ogos 2020.